

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**  
**BRIG. JEN. PROF. DATUK SERI PANGLIMA DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**MERANGKAP PENASIHAT KESUMBA**

*Bismillahirrahmanirrahim.*

*Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera.*

Yang berusaha Prof. Datin Seri Panglima Dr. Ann Anton, YDP KESUMBA

Dekan-dekan dan Pengarah JSPIU

Prof. Madya Dr. Arsiah Hj. Bahron,  
Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Ke-13

Datin-datin, puan-puan, para hadirin sekalian sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya maka kita dapat berkumpul bersama-sama pada majlis Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Uniiversiti Malaysia Sabah (KESUMBA) di pagi yang mulia ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah mengundang saya ke majlis ilmu ini sekaligus meyempurnakan majlis perasmian mesyuarat ini sebentar sahaja lagi.

Setinggi-tinggi syabas dan tahniah diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa pelaksana dan semua ahli KESUMBA atas komitmen dan dedikasi yang tinggi sehingga mesyuarat ini dapat diadakan pada hari ini. Harapan saya semoga mesyuarat ini akan dapat berjalan lancar dengan jayanya.

Para hadirin & hadirat, puan-puan sekalian,

Sikap serta semangat kerja berpasukan sememangnya amat diperlukan dalam sesebuah organisasi bagi memangkin kepada kejayaan dan kecemerlangan. Dalam konteks berpersatuan, penerapan nilai-nilai kualiti dalam menjalankan tugas berpasukan akan menentukan bangun jatuh atau maju mundur sesebuah organisasi.

Sebagai kaum hawa , antara nilai-nilai kerja berkualiti yang dapat dihayati dan diamalkan ialah seperti bekerja dengan tekun dan kemas, setia kepada organisasi, bekerja dengan kasih sayang, ceria serta lemah lembut dan menjaga kesihatan.

Amalan penjagaan kesihatan yang baik juga penting kerana sememangnya hanya pekerja sihat yang mampu menghasilkan kerja yang bermutu dan produktif. Sehubungan itu, kepada penjawat awam ataupun suri rumahtangga yang leka dengan aspek kesihatan akibat kesibukan tugas dan kerja-kerja harian dinasihatkan agar mengubah kebiasaan gaya hidup sebelum ini. Giatkan aktiviti bersenam, memakan makanan yang berkhasiat disamping mempraktikkan

kepercayaan beragama. Amalan ini akan meningkatkan kesihatan fizikal dan mental seseorang sekaligus menjadikan kita sentiasa cerdas dan cergas.

Para hadirin & hadirat, puan-puan sekalian,

Jika dahulu isteri-isteri sering disamakan dengan Menteri Kewangan, tetapi pada pendapat saya, jawatan Menteri Kesihatan lebih sesuai disandang oleh kaum-kaum ibu. Kerana, merekalah yang setiap hari akan memasak makanan yang berkhasiat untuk keluarga, sentiasa mengemas dan membersihkan rumah dan persekitaran untuk menghindari penyakit daripada menular dalam kalangan keluarganya. Mereka juga adalah kaunselor yang sentiasa memberikan nasihat-nasihat berguna kepada anak-anak dan juga suami demi memastikan keadaan kesihatan mental keluarganya dalam keadaan baik.

Bukan itu sahaja, malah jika dilihat trend pada masa kini, ramai kaum ibu yang mempunyai kerjaya yang profesional dan memegang jawatan yang tinggi dalam sesebuah organisasi, institusi atau syarikat. Sehubungan itu, bebanan tugas yang terpaksa dipikul oleh mereka amat berat kerana selain perlu menunaikan tanggungjawab di pejabat, mereka juga mempunyai tanggungjawab yang lebih besar menanti di rumah.

Sesungguhnya, menjadi seorang “wanita waja” yang berjaya dalam kerjaya dan rumahtangga adalah impian setiap wanita. Namun berapa ramaikah yang berjaya mencapai impian tersebut? Kita sering mendengar sejak akhir-akhir ini kes-kes keruntuhan rumah tangga di kalangan wanita bekerjaya. Kenapa ini terjadi?

Para hadirin & hadirat, puan-puan sekalian,

Pada pandangan saya, sebagai seorang pekerja dan juga suri rumah, kita mestilah bijak melaksanakan tugas mengikut keutamaan serta bijak menguruskan masa. Jika kita gagal untuk menghayati dan mengamalkan kedua-duanya, maka setiap saat dan ketika, kita pasti akan berhadapan dengan masalah kerja dan rumahtangga. Masalah ini akan menjadi bebanan fikiran yang akhirnya akan menurunkan prestasi kerja. Apa yang amat dikhuatiri ialah apabila ia menyebabkan gangguan emosi dan mental yang parah. Akhirnya, tanggungjawab tugas dan rumahtangga akan terbengkalai dan menjurus kepada kegagalan

Sehubungan itu, sempena Mesyuarat Agung Tahunan Ke-13 ini, saya berharap agar semua ahli KESUMBA akan dapat mencapai kata sepakat dan objektif yang ingin dicapai. Gunakan ruang dan peluang ini sebaiknya bagi memperkukuhkan lagi pencapaian dan hala tuju KESUMBA di masa akan datang. Pesanan saya juga agar puan-puan berterusan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui pembacaan dan juga bersatu. Dengan adanya Kelab ini, diharap semua ahli akan mendapat manfaat dari setiap aktiviti yang dijalankan untuk menjadikan puan-puan sekalian sentiasa bersedia menghadapi duna globalisasi yang penuh cabaran.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah atas kejayaan penganjuran majlis yang bermanfaat ini. Semoga KESUMBA akan terus berkembang maju dan sejahtera.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan KESUMBA kali Ke-13.

Sekian dan Selamat Bersidang.

